KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	23.03.22	MUKA SURAT	:	18
JABATAN	:	PERHILITAN			



MUHAMMAD UMAR ZIYAD terpaksa dimasukkan ke hospital selepas betis dan tangannya cedera akibat diserang kera di Dungun Ahad lalu.

Budak cedera diserang kera

DUNGUN – Keterujaan seorang murid tahun satu Sekolah Kebangsaan Kuala Abang di sini memulakan hari pertama persekolahan kelmarin terbantut apabila dia cedera diserang seekor kera di halaman rumahnya di Kampung Baru Kuala Abang di sini pada Ahad lalu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.55 petang itu, Muhammad Umar Ziyad Zaharudin, 7, terpaksa dikejarkan ke Hospital Kemaman selepas mengalami kecederaan pada bahagian betis kiri dan tangan kanan.

Ibu mangsa, Suzilawati Ismail, 39, berkata, sewaktu kejadian, dia dan dua anaknya sedang bertandang ke rumah kakak bersebelahan rumahnya.

"Muhammad Umar Ziyad pulang dahulu sebelum saya yang sedang berada di beranda rumah kakak dikejutkan dengan jeritan dia yang mengerang kesakitan.

"Seekor kera bersaiz besar dilihat sedang memaut betis anak saya dan menyerangnya sebelum suami saya, Zaharudin Alias, 43, yang berada di dalam rumah segera meluru untuk menyelamatkannya. Kera itu kemudian terlepas," katanya di sini semalam.

Suzilawati berkata, dia segera membawa anaknya ke Hospital Dungun kerana koyakan pada kaki kiri anaknya amat besar hingga menampakkan bahagian tulang.

Dia kemudian membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun di sini Ahad lalu.